

**SULIT**

---



Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2021/2022

Julai/Ogos 2022

**HSL334 – Kertas Khas dalam Sejarah Dunia Barat**

Masa : 24 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **EMPAT** (4) muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Kertas soalan ini mengandungi LAPAN (8) soalan. Jawab **EMPAT (4)** soalan sahaja: **WAJIB** jawab DUA (2) soalan daripada setiap bahagian iaitu Bahagian A dan B.

...2/-

**SULIT**

Bahagian A

1. "Walaupun Perang Dunia Pertama tercetus sebagai kesan daripada konflik politik secara langsung antara Austria-Hungary dan Serbia, namun kuasa besar yang bertanggungjawab dalam menggalakkan perang itu tercetus ialah Jerman."

Buktikan kebenaran pernyataan tersebut.

[100 markah]

2. Terangkan semangat nasionalisme di negara-negara Balkan dan persaingan persenjataan kuasa-kuasa besar Eropah telah menjadi faktor utama yang membawa kepada pencetusan Perang Dunia Pertama di Eropah?

[100 markah]

3. Nilai kebenaran hujah sesetengah ahli sejarah bahawa kemunculan Hitler dan Nazisme merupakan produk Perjanjian Versailles 1919 yang menggambarkan kesilapan kuasa-kuasa besar Eropah.

[100 markah]



4. Lakaran kartun oleh kartunis British, David Low pada Februari 1938 di atas menggambarkan dasar agresif pihak Jerman pimpinan Hitler dan tindak balas negara-negara kuasa besar Eropah seperti Britain dan Perancis. Buktikan bahawa pendirian yang dipegang oleh Britain dan Perancis telah mendorong Hitler berfikir bahawa Jerman semakin kuat dan boleh melakukan apa-apa sahaja sehingga membawa kepada teretusnya Perang Dunia Kedua.

[100 markah]

...4/-

SULIT

Bahagian B

5. Merujuk krisis yang berlaku di Greece (1946-1949) dan Turki (1946-1953), huraikan secara kritis hujah aliran Sekolah Pemikiran British bahawa Britain ialah pihak yang bertanggungjawab mengheret Amerika Syarikat dan Kesatuan Soviet ke dalam kancah Perang Dingin.

[100 markah]

6. "Kemelut politik yang berlaku di Greece dan Turki pada awal pasca Perang Dunia Kedua merupakan titik permulaan yang membawa kepada kerjasama Britain-Amerika Syarikat yang lebih erat (*special relationship*) dan akhirnya telah melahirkan NATO pada 4 April 1949."

Bincangkan dengan teliti kesahihan pernyataan di atas.

[100 markah]

7. "Nikita Khrushchev ialah satu-satunya pihak yang bertanggungjawab menyebabkan keretakan hubungan Sino-Soviet (*Sino-Soviet split*)."

Huraikan ketepatan pernyataan ini.

[100 markah]

8. Bincangkan sebab-musabab Presiden Amerika Syarikat, Richard Nixon melancarkan Doktrin Nixon yang bermatlamat untuk mengundurkannya tentera Amerika Syarikat dari Perang Vietnam pada tahun 1969.

[100 markah]